

aab

MAHATHIR BERUCAP MEWAKILI ASTA DI SIDANG PUNCAK G-15

Mahathir - G15

Oleh Donald Baptist

J

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berucap mewakili Asia disidang kemuncak Kumpulan 15 negara membangun (G-15) di Caracas, ibu negara Venezuela, minggu depan.

Penghormatan itu sebagai pengiktirafan terhadap peranan yang dimainkan oleh Perdana Menteri dan Malaysia dalam menggalakkan kerjasama Selatan-Selatan, kata Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ahmad Kami Jaafar hari ini.

Ketika memberikan taklimat kepada wartawan, mengenai sidang kemuncak yang akan berlangsung dari 27 Nov hingga 29 Nov ini, beliau berkata hasrat pemimpin negara-negara G-15 ialah supaya Datuk Seri Dr Mahathir berucap bagi pihak negara-negara Asia.

Datuk Ahmad Kami tidak dapat menyatakan isu utama yang akan terdapat dalam ucapan Perdana Menteri tetapi perkara-perkara yang gemar dihangkitkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir termasuk perlunya badan-badan dunia seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan agensinya memenuhi kehendak dan cita rasa negara-negara Dunia Ketiga.

Isu-isu lain ialah memupuk keamanan dan keselamatan, memandangkan dunia sekarang menuju ke arah perdamaian, masalah pembayaran hutang yang dihadapi oleh negara-negara membangun dan alam sekitar dan pembangunan yang berterusan.

Di sidang kemuncak itu, yang akan mengikut format mesyuarat pertamanya semasa Malaysia menjadi tuan rumah persidangan itu Jun tahun lepas, Datuk Seri Dr Mahathir akan menyerahkan tugasnya sebagai pengerusi persidangan kepada Presiden Venezuela, Carlos Andres Perez. -- Lagi

▼18/11/18-58MST

CNS4708

U GB 18-11 00237 BA016

aab

Mahathir - G15 2 Kuala Lumpur

Malaysia adalah penggerak utama penubuhan G-15, satu kumpulan kerja yang mengandungi pemimpin-pemimpin negara membangun yang bertindak sebagai pemangkin bagi kerjasama lebih luas di kalangan negara-negara Dunia Ketiga.

Selain Malaysia, anggota-anggotanya yang lain ialah Algeria, Argentina, Brazil, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela, Yugoslavia dan Zimbabwe.

Walaupun Datuk Seri Dr Mahathir mengundurkan diri sebagai pengerusi, beliau masih terlibat dalam TROTKA, jawatankuasa pemandu sidang kemuncak itu, yang keanggotaannya terdiri daripada pengerusi yang lepas, pengerusi sekarang dan bakal pengerusi, untuk setahun lagi.

Satu ciri barunya pada sidang kemuncak akan datang ialah mesyuarat serentak bagi wakil-wakil sektor swasta dari negara-negara G-15 untuk menggalakkan perhubungan langsung di kalangan ahli perniagaan negara-negara anggota dengan matlamat untuk membabitkan sektor swasta dalam keseluruhan proses kerjasama Selatan-Selatan.

Mereka juga akan mengadakan persidangan meja bulat mengenai industri-industri tertentu -- herasaskan pertanian, kimia, peralatan mesin, perkhidmatan dan pembuatan.

Empat belas orang wakil sektor swasta dari Malaysia akan menyertai rombongan Datuk Seri Dr Mahathir ke Venezuela.

Para pemimpin G-15 bersetuju di Kuala Lumpur agar ahli perniagaan, pelabur dan pegawai kerajaan dibawasama dalam forum untuk bertukar fikiran dan maklumat bagi meningkatkan kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan Selatan-Selatan.

Datuk Ahmad Ramil berkata Malaysia tidak akan mengemukakan daya usaha baru pada persidangan itu tetapi gembira untuk melihat daya usaha dari negara-negara seperti Indonesia dan India. -- Lagi

CNS4733

U GB 18-11 00191 BA017

aab

Mahathir - G15.3 (akhir) Kuala Lumpur

Malaysia berharap satu keputusan muktamad dapat dibuat secepat mungkin mengenai penubuhan Pusat Pertukaran Data Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Selatan (SITTDEC) di Kuala Lumpur.

Peretujuan pada dasarnya mengenai penubuhan SITTDEC, yang akan membantudalam pertukaran maklumat dan pemindahan teknologi dicapai pada sidang kemuncak pertama dan deraf piagamnya akan dibentangkan untuk pertimbangan di Caracas :

Datuk Seri Dr Mahathir akan mengemukakan laporan mengenai perkembangan beberapa projek yang telah dipersetujui pada persidangan. 'pertama dan ini termasuk peraturan pembayaran dua hala dan peraturan pembayaran pelbagai hala.

Peraturan pembayaran dua halatelah membantu Malaysia meningkatkan perdagangannya dengan 12 buah negara membangun. Sebagai contoh, jumlah dagangan antara Malaysia dan lima buah negara -- Chile, Mexico, Nigeria, Romania dan Venezuela -- meningkat lebih sekali ganda daripada AS\$1.23 juta dalam 1998 kepada US\$3.54 juta sehingga ini.

Yang turut dipersetujui ialah negara-negara TROIKA -- Senegal, Venezuela dan Malaysia -- menghantar kumpulan kebudayaan untuk mengadakan persembahan di persidangan itu. Malaysia menghantar satu kumpulan 20 anggota dari Melaka.

Kumpulan itu akan mengadakan persembahan di Caracas dan kemudiannya di Mexico City. -- Bernama

▼18/11/19-36MST